



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR**  
**Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION**  
**JANUARY 2011 SESSION**

---

SUBJECT CODE : MPW 2153 / MPW 1153  
SUBJECT TITLE : PENDIDIKAN MORAL  
LEVEL : BACHELOR  
TIME / DURATION : 8.00pm – 10.00pm  
( 2 HOURS )  
DATE : 05 MAY 2011

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of TWO (2) sections. Section A and B. Answer 2 questions in Section A and 2 questions in section B.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

THERE ARE 4 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 60 markah)**

**ARAHAN :** Jawab DUA soalan dari bahagian ini dalam bentuk essei. Jawapan anda hendaklah dari perspektif moral.

Sila guna buku jawpan yang disediakan.

**Soalan Satu**

Benarkah gejala social yang berleluasa di Negara kita ini seperti pengambilan dadah, seks bebas dan pembunuhan berlaku akibat kelemahan institusi kekeluargaan? Bincangkan.

(20 markah)

**Soalan Dua**

Wajarkah media massa di Negara kita diberi kebebasan mutlak "absolute freedom" demi kebebasan bersuara? Bincangkan.

(20 markah).

**Soalan Tiga**

Pada pandangan anda, wajarkah pesakit-pesakit kronik yang bertahan dengan bantuan alat-alat bantu dibiarkan terus hidup sedangkan mereka sedang mengalami penderitaan yang sangat dahsyat?

(20 markah)

**Soalan Empat**

Masih banyak kemudahan awam seperti bangunan dan infrastruktur yang lain umpamanya jalan raya tidak mudah diguna pakai oleh golongan kurang upaya. Ini menyebabkan golongan ini tidak dapat menimati pelbagai kemudahan awam seperti menaiki kenderaan awam, membeli-belah di pusat-pusat membeli-belah, mendapat rawatan perubatan dengan mudah, melanjutkan pengajian dan sebagainya. Pada pandangan anda,

- A. Adakah ini benar?
- B. Jika benar, adakah ini satu bentuk diskriminasi?
- C. jika ya, wajarkah ia diatasi?

(20 markah)

**BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah).**

**ARAHAN:** Sila jawab DUA soalan dari bahagian ini dalam bentuk esei. Jawapan anda hendaklah dari perspektif moral.

**Soalan Satu**

Anda telah didatangi oleh seorang kenalan lama yang sedang berhadapan dengan suatu masalah rumit. Dia sedang menghadapi krisis rumahtangga. Isterinya sudah bertemu semula dengan kekasih lamanya dan ingin berpisah dengan kenalan lama anda ini.

Sebagai pelajar moral, sila gunakan kaedah analisis sama ada Coomb atau Frankael untuk membantu rakan lama ini. Nyatakan langkah-langkah yang akan anda ambil bagi menyelesaikan konflik yang sedang dihadapi oleh rakan lama ini.

(40 markah)

**Soalan Dua**

Pilih dua agama berikut dan jelaskan bagaimana ia mampu mengawal akhlak penganut-penganutnya.

- Agama Islam
- Agama Kristian
- Agama Budha
- Agama Hindu

(40 markah)

**Soalan Tiga**

Pilih mana-mana dua kaedah penyelesaian konflik berikut dan tuliskan satu contoh konflik yang boleh diselesaikan dengan menggunakan kaedah-kaedah konflik yang dipilih.

- A. Kognitif
- B. Hiraki
- C. Pembubaran masalah
- D. Bertolak ansur

(40 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**